



ABDUL Hadi Awang Kechil (tengah) beramah mesra dengan pelatih PLKN semasa melakukan lawatan kerja di Kem PLKN Setia Ikhlas, Hulu Langat, semalam.

JLKN sedia kaji modul tambahan PLKN

HULU LANGAT 6 Feb. - Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) sedia mengkaji modul tambahan baharu dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sebagai usaha kerajaan membimbing pelatih menghadapi cabaran seiring dengan peredaran semasa.

Ketua Pengarah JLKN, Datuk Abdul Hadi Awang Kechil berkata, langkah tersebut diambil setelah melihat pengenalan sub modul Program Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (Pekerti) sejak dua tahun lalu menunjukkan impak positif.

Jelasnya, sub modul Pekerti memberi pendedahan dan pemahaman kepada pelatih PLKN ter-

hadap masalah sosial dan hubungan seksual yang semakin meruncing.

"Kebanyakan mereka kurang memahami peranan, tanggungjawab dan hak dalam mempertahankan diri daripada terlibat dengan masalah sosial, khususnya hubungan seksual.

"Jadi, daripada situ kita dapat melihat Pekerti merupakan antara sub modul yang sangat relevan digunakan pada masa kini. Mungkin pada masa akan datang ada lagi tambahan-tambahan modul baharu yang akan diperkenalkan," katanya yang ditemui selepas mengadakan lawatan kerja di Kem Setia Ikhlas di sini hari ini.

Dalam isu berlainan, Abdul Hadi

berkata, JLKN kini bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan bagi menubuhkan Briged Sukarelawan PLKN.

Katanya, penubuhan itu penting bagi mewujudkan platform kepada bekas pelatih PLKN untuk terus berkhidmat kepada masyarakat.

"Sekarang, kita mempunyai satu Briged Sukarelawan PLKN iaitu di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan mahasiswa di situ yang juga bekas pelatih boleh menyertai pelbagai aktiviti di luar.

"Saya harap universiti lain mampu mengikut jejak langkah USIM kerana penubuhan briged itu memberi banyak manfaat kepada negara," ujarnya.